

12 OCT 2001

MAHATHIR-BANK

MAHATHIR TENTANG BAGAIMANA BANK TEMPATAN BOLEH TERUS HIDUP DI PASARAN TERBUKA

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Belajar untuk terus hidup tanpa bergantung kepada perlindungan kerajaan dan menanda aras berbanding bank asing dari sekarang dan seterusnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa bank-bank tempatan malam ini.

Usaha-usaha ini akan menjadi kunci kepada penerusan hidup (survival) mereka di pasaran terbuka, Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata pada majlis makan malam tahunan ke-22 Persatuan Bank Saudagar di Malaysia.

"Cabaran untuk kami, cabaran bagi sistem perbankan Malaysia, ialah bagaimana untuk terus hidup dan makmur sebagai bank-bank yang relatif kecil," kata beliau.

Bank-bank tempatan, telah membangunkan kemahiran, terutamanya dalam bidang perkhidmatan peribadi.

Dengan bersikap mesra kepada para pelanggan, memberikan khidmat nasihat kewangan yang baik, mengingatkan mereka terhadap usaha-usaha niaga yang tidak berdaya kemungkinan dan malahan membantu mereka dengan kajian-kajian kemungkinan akan memupuk pelanggan-pelanggan yang setia, katanya.

"Bila mereka menjadi besar mereka tidak akan meninggalkan anda dan memindah perniagaan mereka ke bank-bank asing yang besar," kata Dr Mahathir.

Tetapi Perdana Menteri cepat mengingatkan bank-bank Malaysia bahawa daripada segi wang, kesetiaan pelanggan dan patriotisma tidak begitu diambil kira.

"Tetapi dengan kemahiran dan perkhidmatan yang bersimpati, bank-bank tempatan masih boleh mengharap untuk terus hidup. Dengan menanda aras diri sendiri berbanding bank-bank asing dari sekarang dan seterusnya, anda mungkin dapat mengekalkan institusi-institusi anda dan terus berdiri," tegas beliau.

Dari 2004 dan seterusnya, semua institusi tempatan, kini sebanyak 10 berikutan program penggabungan 54 buah bank, dijangka menghadapi persaingan lebih besar daripada institusi-institusi asing yang telah beroperasi di Malaysia.

Persaingan akan menjadi lebih sengit menjelang tahun 2007 apabila institusi-institusi asing yang belum lagi beroperasi di negara ini akan menyertai persaingan.

"Usaha-usaha untuk menunda ini akhirnya mungkin tidak berjaya. Jadi adalah lebih baik bersiap sedia," Dr Mahathir mengingatkan.

Dalam dunia perbankan dan kewangan, padang permainan yang sama rata adalah tidak memadai kerana gergasi-gergasi akan mengatasi yang kecil dan lemah, memandangkan gergasi itu mempunyai sumber kewangan yang luas, kecanggihan teknologi, rangkaian seluruh dunia, produk-produk inovatif dan pengalaman, katanya.

Dalam meminta bank-bank tempatan mencari kelebihan persaingan, Dr Mahathir berkata perbankan Islam adalah satu bidang di mana mereka telah membangunkan kepakaran tertentu.

"Perbankan Islam tidak mungkin menggantikan perbankan konvensional berasaskan faedah tetapi terdapat tanda-tanda bahawa perbankan Islam mulai diterima secara umum malahan oleh bukan Islam," katanya.

Pengusaha-pengusah bank Islam, katanya mestilah membangunkan produk-produk baru dan inovatif.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan menyokong kuat perbankan Islam dan bermatlamat menjadi pangkalan tetap bagi cadangan Pertubuhan

Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSO), yang tujuan utamanya adalah untuk membangunkan dan menyebarkan standard penzahiran dan kawal seliaan yang seragam berhemat ke atas risiko-risiko mengawal produk-produk kewangan Islam.

"Intisarinnya, perbankan Islam sedang dibangunkan untuk sejajar dan beroperasi setara dengan perbankan konvensional," kata Dr Mahathir. --

BERNAMA

MAD SHY OS